

Anwar adakan lawatan rasmi ke Jerman hari ini

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan mengadakan lawatan rasmi ke Jerman mulai hari ini hingga Jumaat depan, dalam usaha memperkukuhkan hubungan dan kerjasama dua hala.

Dalam lawatan sulungnya ke negara itu, rombongan Perdana Menteri akan disertai Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Mohamad Hasan; Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz dan Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Ewon Benedict.

Ketika di Berlin, Anwar akan disambut oleh rakan sejawatannya, Olaf Scholz, dalam satu majlis sambutan rasmi.

Wisma Putra dalam kenyataannya semalam berkata, kedua-dua pemimpin akan mengadakan mesyuarat dua hala di mana mereka dijangka membincangkan kemajuan hubungan Malaysia-Jerman, terutama kerjasama dalam bidang ekonomi, pendidikan, alam sekitar dan kelestarian.

Kedua-dua pemimpin negara itu juga akan bertukar pandangan berhubung isu serantau dan antarabangsa yang berkepentingan bersama.

Ini disusuli kunjungan hormat Perdana Menteri ke atas Presiden Jerman, Frank-Walter Steinmeier.

Ketika di Berlin, Perdana Menteri juga dijadual menyampaikan ucapan di Korber Foundation, sebuah organisasi bukan berasaskan keuntungan yang memberi tumpuan isu sosial dan politik.

"Perdana Menteri juga akan menyampaikan ucapan di SME Future Day 2024 anjuran German Association of Small and Medium-sized Businesses (Bundesverband mittelstandische Wirtschaft-BVMW)," kata kenyataan itu.

Perdana Menteri juga dijadual mengadakan pertemuan dengan kapten industri dan pelepasan yang berpotensi dari Eropah serta mengadakan sesi wawancara dengan media tempatan.

Ini susuli dengan menghadiri majlis terbuka puasa bersama diaspora Malaysia di Jerman.

Temu ramah eksklusif

Menyambung lawatannya ke Hamburg, Perdana Menteri akan menghadiri East Asia Friendship Dinner ke-101 (Ostasiatisches Liebesmahl) anjuran German Asia-Pacific Business Association, di mana beliau dijadual untuk menyampaikan ucapan tama.

Beliau juga dijangka akan memberikan temu ramah eksklusif kepada *German Press Agency*.

Jerman adalah rakan dagangan terbesar Malaysia dalam kalangan negara anggota Kesatuan Eropah sejak 2000, manakala Malaysia adalah rakan dagangan terbesar Jerman dalam kalangan negara anggota ASEAN.

Pada 2023, nilai perdagangan Malaysia dengan Jerman meningkat sebanyak 5.9 peratus kepada RM63.45 bilion (AS\$13.90 bilion) berbanding RM59.87 billion (AS\$13.62 bilion) pada 2022.